

Dasar-dasar
Adat Perpatih

OLEH . ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMMAD

dasar-dasar adat perpateh

untuk anak2-ku :

- *zarina*
- *zarida*
- *zariati*
- *zaziani*

DASAR-DASAR ADAT PERPATEH

oleh

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
KUALA LUMPUR.

BAB VII

SEMENDA BERSEMENDA

Oleh kerana orang2 yang sama sa-Suku itu merupakan orang2 yang sa-Keluarga dan atau adek beradek, maka tiada-lah di-bolehkan sa-saorang itu kahwin dalam Suku-nya sendiri.

Ini akan di-anggap sa-bagai kahwin adek beradek!

Maka ada-lah menjadi satu kesalahan yang amat besar dan sangat mengaibkan kalau di-dapati atau berlaku pehak2 yang kahwin dalam Suku-nya sendiri.

Oleh yang demikian maka Anak2-buah terpaksa-lah kahwin keluar daripada Suku-nya, atau lebeh tepat lagi, kahwin dengan orang dari Suku yang lain.

Apabila sa-orang lelaki itu kahwin, ia terpaksa-lah tinggal dengan isteri-nya dan berchampur gaul dengan orang2 dalam Suku isteri-nya itu.

Ia akan di-kenali sa-bagai **"Orang Semenda"**, dan orang2 dari Suku isteri-nya di-kenali se-bagai **"Orang2 Tempat Semenda"**.

("Orang Semenda" itu boleh di-sifatkan sabagai ipar atau menantu kapada "Orang2 Tempat Semenda" itu.)

Jadi apa yang di-maksudkan dengan "Semenda ber-

Semenda" itu tiada-lah lain daripada memaksudkan "Kahwin berkahwin".

Ini-lah di-katakan oleh Adat: "Orang Semenda bertempat Semenda"—ia-itu **Orang yang ber-Kahwin mempunyai Tempat ber-Kahwin.**

Kesemua "Orang2 Semenda" dalam satu2 Suku itu di-kenali sa-bagai **"Resam"**.

Resam atau "Orang2 Semenda" itu tiada-lah berhak menchampori perkara2 besar yang terbit dan berlaku dalam Suku tempat mereka bersemenda itu.

Kedudukan orang semenda di-tempat semenda-nya itu ada-lah di-ibaratkan saperti "Mentimun dengan Durian—Menggolek pun luka, kena golek pun luka". Ini hanya menyatakan bahawa kekuasaan-nya dalam Suku isteri-nya itu tiada-lah berkesan ada-nya.

Di-sabalek-nya pula dengan ini tiada-lah boleh di-ertikan bahawa sa-saorang "Orang Semenda" itu tiada mendapat penghargaan diri yang sa-layak-nya, kerana Adat Perpatih juga menghendaki supaya "Orang Semenda" itu sentiasa di-hormati dan di-hargai:—

"Orang Semenda di-Tempat Semenda,

Jika cherdek teman berunding,

Jika bodoh di-suroh di-arah;

Tinggi banir tempat berlindung,

Rimbun daun tempat bernaong.

Di-suroh pergi, di-panggil datang.

Yang buta di-suroh menghembus lesong,

Yang patah di-suroh menunggu jemoran,

Yang pekak di-suroh menchuchoh meriam

Yang berani di-buat kepala lawan.

Kalau kaya hendak emas-nya,

Kalau ma'alim hendak do'a-nya".

Tegas-nya tiap2 sa-orang "Orang Semenda" dan juga tiap2 anggota masharakat mesti ada guna-nya kepada masharakat pada umum-nya.

Di-sabalek-nya pula, sa-tiap "Orang Semenda" itu tetap sahaja mempunyai hubungan erat dengan Suku-nya sendiri, di-mana ia ada-lah maseh berhak menchampori hal ehwal-nya sa-bagai anak-buah-nya.

Sa-saorang lelaki tiada di-bolehkan kahwin dengan dua orang perempuan yang sama Suku, sebab hal demikian di-anggap dan di-pandang saperti memadukan dua orang perempuan yang adek beradek.

Apabila sa-saorang lelaki itu bercherai maka ia akan di-jemput pulang ka-Suku-nya. Dan demikian juga apabila isteri-nya meninggal dunia, ia akan di-jemput pulang ka-tempat Suku-nya sendiri.

Pendek-nya apabila ia sudah bercherai atau isteri-nya sudah meninggal dunia ia tiada-lah lagi berhak tinggal di-tempat Semenda-nya itu.

Beberapa Soalan:

- (1) Kenapa orang2 Adat Perpatch tiada di-benarkan kahwin dalam Suku-nya sendiri?
- (2) Apa-kah yang di-maksudkan dengan "Orang Semenda"?
- (3) Apa-kah yang di-katakan "Tempat Semenda"?
- (4) "Resam" itu apa dia?
- (5) Kenapa sa-saorang lelaki tiada boleh memadukan dua orang perempuan yang sama Suku?

PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpateh" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpateh" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpateh" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerintahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpateh" itu telah memerintah negeri2 mereka sendiri.

Kita semua tentu ma'alam bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perintah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebih ma'alam bahawa "Adat Perpatih" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masyarakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—seperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiadalah penyusun bermaksud membinchangkan-nya pula.